

# Ayahku mahu berpoligami

*Pelajar runsing bapa ingin tambah isteri konon ikut sunnah Nabi sedangkan sering tiada duit*

## Soalan

**S**AYA anak kedua daripada enam beradik dan baru menamatkan Penilaian Menengah Rendah (PMR), baru-baru ini. Saya tidak tahu apa keputusan bakal diperoleh kerana sangat tertekan dengan perangai ayah. Ibu bapa saya bekerja dan kami baru pulang dari luar negara kerana ayah melanjutkan pelajaran. Ibu bercuti tanpa gaji semata-mata menguruskan kami dan membantu ayah dalam penyelidikan dan tesis. Ibu pandai tapi ayah tidak membenarkannya membuat ijazah doktor falsafah dengan alasan nanti ibu tidak sempat menyiapkan tesis ayah. Ayah aktif dalam tabligh semasa di luar negara dan sangat dihormati, sering menjadi imam pada solat harian ataupun hari raya.

Sekembali dari luar negara, kami sekeluarga sangat sibuk. Ibu terpaksa bekerja lebih kerana sudah lama tertinggal dalam dunia pekerjaan dan ayah juga bekerja hingga Sabtu dan Ahad tanpa cuti kerana banyak kerja terpaksa dipelajari daripada rakan. Kami adik beradik kelambakut kerana menghadiri banyak kelas tambahan dan suasana sekolah yang terlalu berbeza dari luar negara. Namun, ibu terus berkorban menyiapkan makanan

dan urusan rumah kerana tiada pembantu. Ibu memasak jam 12 tengah malam atau awal pagi untuk siapakan makanan.

Satu hari ibu memberitahu kami beliau terpilih keluar negara selama tiga minggu. Kami merasa cemburu kerana belum setahun pulang ibu sudah diberi peluang lagi bermain salji. Di KLIA kami menghantar ibu dan dalam perjalanan pulang ayah memberitahu mengenai rancangannya untuk berpoligami. Terkejut sungguh saya dan adik-adik. Sampai hati ayah!

Ayah tidak pernah membantu kami di rumah kerana semuanya ibu lakukan sendiri. Ayah sering menggunakan alasan sibuk dan tidak pernah ada masa membawa adik-adik bermain basikal di tasik, hanya ibu saja bersama kami. Sekarang ayah ada masa pula bermain cinta! Duit belanja juga bukanlah banyak. Ayah sering tiada duit kerana keluarga ayah di kampung memang selalu minta duit untuk menguruskan makan minum adik-beradiknya seramai sepuluh orang.

Saya bingung, abang sulung membantah, saya dan adik-adik diam saja dan menangis mengenangkan ibu yang rajin dan banyak berkorban.

Ayah menjelaskan bakal isterinya datang dalam mimpi selepas membuat solat Istikharah. Katanya ayah terpilih dan ini sunnah

nabi dan jangan melawan jika tidak mahu menjadi umat nabi di akhirat nanti. Betul ke?

Bukankah nabi sangat baik dengan isteri baginda? Jika kita tidak dapat membahagikan isteri dan anak-anak yang ada, bolehkah dengan menambah isteri dan anak-anak yang baru nanti boleh bertambah bahagia semata-mata mengikut sunnah? Betulkah sunnah ini mesti diikuti? Semua soalan ini penuh di kepala saya.

Dr, saya sangat menghormati ayah dan sayang padanya, namun sikap ayah sangat menghancurkan hati dan menghilangkan rasa hormat Ibu sangat jujur, banyak berkorban dan selalu membantu ayah. Saya tidak rasa ayah akan bahagia dengan pilihan baru ini. Saya adik-beradik berdebar menunggu ibu pulang dan tidak tahu apa yang bakal berlaku.

KAK NGAH  
Putrajaya

## Jawapan

**M**engambil kira isu ayah ingin berkahwin lagi, dari sudut pandangan adik, tindakannya itu pasti akan melukakan hati ibu dan keluarga. Ayah pula melihat isu ini dari perspektif tersendiri iaitu ingin membimbing seorang wanita. Begitu juga, ayah melihat poligami dari sudut

kepercayaannya dan sebagai cara untuk menjalankan tugas beradik. Ayah kurang memberi fokus kepada pengorbanan dan perasaan ibu dan anak-anak sebagai perkara utama apabila dia membuat pertimbangan serta keputusan untuk berkahwin baru.

Sedangkan perkara ini adalah perkara terpenting adik dalam memberi kewajaran untuk ayah kahwin lain. Apabila satu perkara dilihat dari perspektif berlainan oleh keinginan yang berbeza, akan wujud konflik. Dr memahami kerisauan adik jika ayah berkahwin lain. Struktur keluarga akan berubah. Tanggungjawab ayah semakin bertambah. Adik juga merasakan seolah-olah ayah tidak menghargai pengorbanan besar ibu dan seorang yang mementingkan dirinya. Adik juga merasa takut ibu akan meninggalkan adik sekiranya ayah kahwin lagi. Dari segi kewangan, adik melihat ayah kurang berkemampuan untuk berkahwin lain.

Pengorbanan besar dan hubungan rapat ibu dengan adik membuatkan adik merasakan tiada orang lain dapat menggantikan ibu sebagai isteri ayah. Akibatnya, hati adik hancur apabila mengetahui ayah akan berkahwin lain. Setiap individu dalam keluarga

mempunyai hubungan kait antara satu sama lain. Mereka tidak boleh hidup bersendirian tanpa mengambil kira orang lain. Justeru, apabila ayah ingin berkahwin lain, kesan akibat perkahwinan itu turut dirasakan adik.

Mengenai persoalan poligami yang sentiasa bermain dalam fikiran, adik boleh membaca banyak sumber rujukan yang sahih mengenai perkara ini. Dalam masalah poligami, seseorang itu hendaklah menjauhi sekiranya berkahwin lebih daripada satu boleh mengganggu hak isteri dan anak-anak yang diwajibkan ke atasnya, seperti memberi nafkah dan lain-lain. Walaupun hukum mengharuskan, tetapi ia terus menanggung dosa kerana kecuaiannya menjalankan kewajipan terhadap anak dan isteri. (<http://www.Islam.gov.my/e-rujukan/kahwin.html>).

Pertimbangan yang adil hendaklah diberikan di samping tujuan dan roh berpoligami itu tidak dirosakkan. Dalam hal ini keharusan yang diberikan agama bukan bermakna galakan atau kebenaran yang boleh dilakukan sewenang-nya.

Jika ditakdirkan ayah berkahwin baru kerana soal jodoh adalah ketetapan Allah s.w.t, adik perlu mencari alternatif untuk belajar menerima keadaan

dan meneruskan kehidupan supaya tidak tertekan. Ada perkara yang kita inginkan tidak dapat dicapai kerana itu adalah di luar kawalan kita. Dalam masalah ayah ingin berkahwin lagi, ayah adalah penentu utama, walaupun ia membabitkan anaknya.

Apa yang adik boleh lakukan ialah menangani konflik diri melalui berkongsi rasa dengan orang yang dipercayai. Adik boleh melahirkan perasaan dialami sekarang kepada ayah. Sekurang-kurangnya ia memberi ruang untuk ayah berfikir (dari sudut tanggungjawab dan kemampuan) serta kesan kepada ibu, adik dan adik-beradik yang lain. Sebagai anak, adik perlukan lakukannya secara berhemah.

Menerima kenyataan sesuatu perkara yang adik tidak suka (sekiranya ayah berpoligami) bukanlah mudah. Lakukan secara bertransisi. Fokuskan kepada perkara utama dalam kehidupan seperti pelajaran dan menjadi kawan yang baik kepada ibu yang begitu banyak berkorban untuk keluarganya.

Sama ada ayah akan gembira dengan pilihan barunya banyak bergantung kepada bagaimana ayah dan isteri barunya menjalankan tanggungjawab sebagai suami isteri dan serasi bersama.

kerana membabitkan masa depannya.

Untuk tidak mengulangi sejarah dibuang sekolah, adik mempunyai beberapa pilihan. Pilihan pertama ialah adik boleh turut mengikut kakak berpindah di tempat baru dan bersekolah di sana.

Selain itu, adik boleh tinggal di asrama sekolah. Minta bantuan kakak mencari sekolah yang boleh menempatkan adik di asrama. Adik juga boleh meminta pandangan guru pegawai bimbingan dan kaunseling di tempat sekolah adik mengenai masalah adik.

# Pelajar takut kembali ponteng

## Soalan

**S**AYA remaja lelaki berusia 15 tahun. Pada 2008, ayah mengalami serangan angin ahmar. Ketika itu saya bersekolah dan tinggal bersama ibu bapa di utara. Ibu selalu menyusahkan saya dengan menyuruh menghantar dan menjemputnya di tempat kerja walaupun mempunyai kereta serta menyuruh ke pasar untuk membeli barangan dapur sehingga saya terpaksa ponteng sekolah disebabkan

selalu lewat.

Sehinggalah saya dibuang sekolah dan ibu tidak mengetahui yang saya ponteng sekolah. Lantas, saya mengadu kepada kakak sulung yang bekerja di ibu kota agar membenarkan saya bersekolah dan tinggal bersama sehingga Penilaian Menengah Rendah (PMR) tamat. Kakak yang menjaga dan menitikberatkan hal pelajaran saya.

Baru-baru ini kakak dinaikkan pangkat dan bertukar

tempat kerja di daerah lain dan saya harus bersekolah dan tinggal kembali bersama ibu bapa pada tahun depan.

Kakak juga buntu memikirkan hal saya kerana dia sangat bertanggungjawab terhadap adik-adik. Masalahnya, saya tidak mahu perkara ponteng sekolah berulang kembali sehingga terabai pelajaran. Ini kerana saya mudah berubah menjadi jahat walaupun tiada hasutan kawan kerana dikatakan

sombong serta berlagak. Tolonglah saya menyelesaikan hal ini.

INSAN LEMAH  
Kuala Lumpur

## Jawapan

**T**ENTU sukar dan bukan mudah bagi ibu untuk menjalani kehidupan setelah ayah adik mengalami serangan angin ahmar. Kini ibu terpaksa menjaga dan mengurus kehidupan keluar-

ganya. Apabila adik tidak memberitahu ibu keadaan sebenar iaitu ponteng sekolah, sudah pasti ibu akan berterusan menyuruh adik membantunya.

Adik beruntung mempunyai kakak yang bertanggungjawab terhadap adik-adiknya dan tidak bersikap lepas tangan. Adik perlu ingat jasa kakak yang sudah banyak membantu. Apabila kakak mendapat kenaikan pangkat, adik perlu memberi sokongan